

03 SEP 2003

Mahathir-Yasmine (Bergambar)

MAHATHIR JUMPA YASMINE WA'ADI DAN MBEKI

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Yasmine Wa'adi, kanak-kanak Iraq mangsa pencerobohan Amerika Syarikat terhadap negara itu, yang dirawat di Malaysia sejak Mei, dibawa berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Pertemuan itu diadakan di Hotel Nikko di sini selepas Perdana Menteri mengadakan kunjungan perpisahan terhadap Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki.

Yasmine yang kehilangan kedua-dua belah kakinya akibat pengeboman Amerika, dibawa ke Malaysia 5 Mei lepas atas inisiatif Pasukan Bersama Media Malaysia (JMTM) yang membuat liputan berita pencerobohan Iraq.

Di sini dia menjalani pembedahan untuk membuang serpihan peluru di lututnya di Hospital Bersalin Cina pada 13 Mei dan kemudian menerima sepasang kaki palsu tajaan Kumpulan UEM.

Yasmine dijadual pulang ke Iraq Sabtu ini dan dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, Yasmine menghadiahkan Dr Mahathir satu kad bertulis "Thank You Dear Malaysians for Giving Me Hope for a Better Life".

Sepanjang menerima rawatan di sini, Yasmine ditemani bapanya Wa'adi Makhtoor Hassan.

Sebelum pertemuan dengan Yasmine, Perdana Menteri membuat kunjungan perpisahan terhadap Mbeki, yang menginap di hotel itu sepanjang lawatan negara ke Malaysia.

Mbeki tiba Isnin lepas untuk lawatan rasmi tiga hari dan beliau merupakan pemimpin Afrika Selatan yang kedua melakukan lawatan ke Malaysia selepas Nelson Mandela.

-- BERNAMA

AT RV RON